

KUIM bantu mangsa banjir

SEREMBAN - Seramai 250 orang kakitangan dan pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan menyertai Misi Khas Kemanusiaan bagi membantu pelajar mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Agama Liang Batu di daerah Pagoh hari ini.

Pegawai Sukan dan Rekreasi KUIM, Nur Ekmal Buhary berkata, misi yang dilancarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar berserta Majlis Perwakilan Pelajar KUIM merupakan sebahagian dari program bantuan sokongan KUIM.

"Ia bagi menjalankan kerja gotong-royong membersihkan kawasan sekolah dan kemudahan pembelajaran yang rosak teruk semasa banjir besar yang melanda sebahagian Negeri Johor baru-baru ini.

"Sehingga ke waktu ini, sekolah berkenaan masih tidak dapat meneruskan pembelajaran kerana bencana yang menimpa mereka," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Nur Ekmal menambah semua kemudahan seperti meja, kerusi, buku, komputer mahupun bilik perpustakaan rosak sama sekali akibat dihanyutkan banjir dan air yang menenggelamkan sekolah berkenaan selama hampir seminggu," katanya.